

JBPM sedia bantu jika diperlukan: Zuraida

Putrajaya: Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) sedia membantu memadam kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera di Indonesia jika ada permintaan daripada pihak berkuasa negara jiran itu.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Zuraida Kamaruddin, berkata perkara itu setakat ini belum dibincangkan pada peringkat Kabinet, namun kerajaan sedia menghulurkan bantuan jika diperlukan.

"Kita sedia bekerjasama, jika diperlukan (oleh pihak berkuasa Indonesia) sudah tentu bomba (JBPM) sedia memberi bantuan (memadamkan kebakaran)," katanya selepas prapelancongan 7Th Asia-Pacific Urban Forum (APUF7) di sini, semalam.

Selasa lalu, Menteri Tenaga Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Yeo Bee Yin memaklumkan Malaysia sedia membantu Indonesia memadamkan kebakaran hutan di Kalimantan dan Sumatera, berikutan jerebu yang melanda negara ketika ini.

Dalam entri di akaun Facebooknya, Bee Yin berkata, beliau mengadakan perjumpaan dengan Menteri Kaunselor Indonesia, Agus Badrul Jamal serta Kaunselor Informasi, Sosial dan Hal Ehwal Budaya Kedutaan Besar Republik Indonesia di Malaysia, Agung Cahaya Sumirat, bagi membincangkan isu berkenaan.

Berdasarkan data Sistem Pemantau Kebakaran Hutan Indo-

nesia, setakat Selasa lalu, sebanyak 247 titik panas dikesan di wilayah Kalimantan, diikuti Papua 48, Jambi (40) dan 22 di Sumatera Selatan.

Jabatan Alam Sekitar (JAS) sebelum ini berkata, faktor utama penyumbang punca bacaan indeks pencemaran udara (IPU) yang tinggi di negara ini berikutan ratusan tompok panas akibat kebakaran di Kalimantan dan Sumatera.

Sementara itu, mengulas penganjuran APUF7, Zuraida berkata, forum bandar pelbagai peringkat dan pihak berkepentingan di rantau Asia Pasifik yang bakal berlangsung pada 15 hingga 17 Oktober ini di SPICE Convention Centre, Pulau Pinang, dijangka menarik penyertaan 7,000 orang dari 60 negara.

Katanya, sempena penganjuran APUF kali ini, kementerianya melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) turut menganjurkan Konvensyen Pemeraksanaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada 14 hingga 15 Oktober 2019.

"Tujuan konvensyen itu diadakan bersekali dengan APUF adalah untuk memastikan pentadbir bandar dan Ahli Majlis di PBT dapat mempelajari sesuatu hasil perkongsian ilmu penceramah dari dalam dan luar negara.

"Selain itu, mereka diharap dapat menjalin kerjasama dan melihat inisiatif perbandaran dan penyelesaian isu bandar daripada negara luar," katanya.



Zuraida merasmikan prapelancongan APUF7 di Putrajaya, semalam.

(Foto Mohd Fadli Hamzah/BH)